

NAMA :

TING : |

SPM 2018

MODUL SOALAN TOPIKAL (TINGKATAN 4)

Struktur

1.	<p>Penyebaran Islam ke Asia Tenggara merupakan salah satu faktor perkembangan bahasa Melayu di Asia Tenggara.</p>  
	<p>Sumber:</p> <p>http://cikguazid.com/nota-sejarah-ting-4/bab-7-islam-di-asia-tenggara/</p> <p>http://nurnadzirah1301.blogspot.my/</p>
a.	<p>Namakan tokoh yang mengemukakan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.</p> <p>(i) _____</p> <p>(ii) _____</p> <p>[2 markah]</p>
b.	<p>Kedatangan Islam telah memajukan pendidikan dalam Alam Melayu. Buktikan.</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>[4 markah]</p>
c.	<p>Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengangkat semula martabat Bahasa Melayu sebagai <i>lingua franca</i> di dunia?.</p> <p>_____</p>

			[4 markah]
--	--	--	------------

Esei

7		Maklumat berikut berkaitan dengan penyebaran Islam di Asia Tenggara. <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan • Perkahwinan • Pengislaman raja dan golongan bangsawan • Kelahiran Kerajaan Islam • Peranan pusat kebudayaan • Peranan Mubaligh </div>	
	a.	Bagaimanakah cara tersebut membantu penyebaran Islam. [4 markah]	
	b.	Terangkan gaya hidup masyarakat Melayu tradisional setelah menerima pengaruh Islam. [8 markah]	
	c.	<p><i>Baitulmal</i> merupakan satu bentuk institusi kewangan harta dalam Islam. Ia terdiri daripada pelbagai sumber hasil seperti zakat, harta wakaf, cukai-cukai (kharaj) dan lain-lain sumber yang pengumpulannya dan penggunaannya untuk kepentingan masyarakat dan negara.</p> <p>Bagaimanakah <i>Baitulmal</i> dapat membantu meningkatkan perkembangan ekonomi negara? [8 markah]</p>	

**Penskoran Soalan Struktur
Tingkatan 4 (Bab 7)**

Soalan 1		Perincian / Butiran	Markah
a	F1 F2 F3 F4 F5	<p>Namakan tokoh yang mengemukakan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.</p> <p>John Crawford Syed Muhammad Naquib al Attas Emanuel Gadinho Eredia S.Q Fatimi Snouck Hurgronje</p> <p><i>Mana-mana munasabah (Mana-mana 2 x 1m)</i></p>	1 1 1 1 1 [2 markah]
b	H1a H1b H1c H1d F2 F3	<p>Kedatangan Islam telah memajukan pendidikan dalam Alam Melayu. Buktikan.</p> <p>Kewujudan tulisan jawi dalam penulisan Angka dan tulisan jawi berasal daripada tulisan Arab</p> <p>Ulama tempatan telah mengubahsuai huruf Arab dalam al-Quran bagi menulis perkataan Melayu</p> <p>Menjadi tulisan rasmi dalam pentadbiran kerajaan Islam</p> <p>Masyarakat Melayu mula menggunakan huruf jawi untuk membaca dan menulis</p> <p>Kemunculan pelbagai istilah seperti syukur, sultan, masjid, berkat dan alam</p> <p>Lahirnya sasterawan tempatan seperti Tun Sri</p>	1 1 1 1 1 1

	<p>Lanang, Syamsudin al- Sumaterani dan Abdul Rauf Singkel.</p> <p>F4 Bahasa Melayu telah berkembang menjadi bahasa lingua- franca di Kepulauan Melayu</p> <p>H4a Bahasa Melayu menjadi lebih mantap</p> <p>H4b Mampu bersaing dengan Bahasa lain di dunia.</p> <p>H4c Menjadi Bahasa ilmu</p> <p>H4c Misainya cerita-cerita panji yang ditulis dalam Bahasa Jawa telah disampaikan dalam bahasa Melayu</p> <p>H4d Hasil kesusasteraan Bahasa Melayu turut terpengaruh dengan gaya dan tatabahasa Bahasa Arab.</p> <p>C4a Seperti syair, gurindam, nazam, dan cerita rakyat</p> <p>F5 Kaum perempuan digalakkan menuntut ilmu</p> <p>F6 Rakyat biasa juga berpeluang mendapatkan pendidikan</p> <p>H6a Masyarakat mula mementingkan ilmu</p> <p>H6b Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu.</p> <p>F7 Munculnya sistem pendidikan pondok, dayah, pesantren, surau dan madrasah</p> <p>H7a Wujudnya pusat pendidikan peringkat tinggi dan university seperti Jamiah Bait Al Rahman</p> <p>F8 Acheh menggantikan Melaka sebagai pusat pendidikan Islam selepas ditawan Portugis.</p>	
		[4 markah]
c	<p>Pada pendapat anda, bagaimakah cara untuk mengangkat martabat Bahasa Melayu sebagai <i>lingua franca</i> di dunia?.</p> <p>F1 Dijadikan sebagai bahasa rasmi</p> <p>F2 Memastikan semua urusan rasmi menggunakan bahasa Melayu sama ada secara lisan / bertulis</p> <p>F3 Dijadikan bahasa kebangsaan</p> <p>F4 Mengadakan Pertandingan Pidato Peringkat Antarabangsa dalam Bahasa Melayu</p> <p>F5 Digunakan dalam seminar/forum di peringkat antarabangsa</p> <p>F6 Menubuhkan Fakulti Bahasa Melayu di universiti luar negara</p> <p>F7 Melancarkan kempen jualan buku Malaysia di luar negara.</p> <p>F8 Menggiatkan penulisan buku dalam Bahasa Melayu.</p>	
	<p><i>Mana-mana munasabah</i></p>	[4 markah]
	(Mana-mana 4 x 1m)	

Penskoran Soalan Esei Pendek
Tingkatan 4 (Bab 7)

Soalan 1	Perincian / Butiran	Markah
----------	---------------------	--------

a	Bagaimakah cara tersebut membantu penyebaran Islam.	
F1	<u>Perdagangan</u> menjadi medium utama penyebaran Islam	1
F2	Melalui usaha gigih pedagang Arab, Parsi, India, dan China	1
F3	Memasarkan barang dagangan sekaligus menyebarkan ajaran Islam	1
F4	Pelabuhan dijadikan tempat kegiatan manusia dari pelbagai tempat serta masyarakat tempatan	1
F5	Kepercayaan dan amalan baru sentiasa menjadi tajuk perbualan serta ikutan mereka yang berada di tempat ini	1
F6	Masyarakat tertarik dengan kemurnian sikap dan tingkah laku pedagang Islam dari Semenanjung Tanah Arab, India, dan China	1
F7	Perkampungan pedagang Islam juga telah menjadi pusat perbincangan tentang agama Islam dalam kalangan pedagang di situ	1
F8	Semangat dakwah Islamiah para pedagang menarik minat penduduk tempatan	1
F9	Pedagang melakukan kegiatan dakwah di bandar pelabuhan	1
F10	Pedagang mengamalkan sifat berhemah dan lemah lembut semasa menyampaikan ajaran Islam	1
F11	Sifat mahmudah telah menarik ramai penduduk tempatan untuk memeluk Islam.	1
F12	<u>Perkahwinan</u> Melalui perkahwinan siasah dan perkahwinan biasa	1
F13	Perkahwinan siasah berlaku dalam kalangan kerabat diraja	1
F14	Seperti Sultan Mansur Syah dan Sultan Muzafar Syah telah mengahwinkan puteri-puteri mereka dengan raja Siak, Kampar, Inderagiri, dan Jambi di Sumatera Utara.	1
F15	Puteri raja Melaka juga dikahwinkan dengan raja Pahang dan raja Kedah.	1
F16	Perkahwinan biasa berlaku antara pedagang Islam atau ulama Islam dari India atau Semenanjung Tanah Arab dengan penduduk tempatan.	1
F17	Islam tersebar dalam kalangan keluarga orang yang baru dikahwini	1
F18	Seterusnya Islam tersebar dalam kalangan masyarakat sekeliling keluarga yang dikahwini oleh pedagang tersebut.	1
F19	<u>Peranan Mubaligh</u> Syeikh Ismail dan Fakir Muhammad merupakan pendakwah yang terawal berdakwah di Asia Tenggara	1

	F20	Pendakwah, ulama, dan ahli sufi seperti Syarif Amir Sayyid al- Syirazi dan Tajuddin al-Asfahani telah menyebarkan dakwah Islamiah di Pasai.	1
	F21	Di Melaka pula terdapat pendakwah seperti Syeikh Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar dan Maulana Yusuf.	1
	F22	Pendakwah mempunyai keperibadian yang baik lagi jujur dan berlemah lembut menarik hati penduduk	1
	F23	Ulama mengajar perkara asas tentang Islam secara tidak berformal pada peringkat awal	1
	F24	Kemudian ulama mengajar secara formal apabila Islam telah berkembang	1
	F25	Masjid, istana, dan rumah dijadikan tempat mempelajari ilmu pengetahuan Islam	1
	F26	Acheh menjadikan ulama sebagai penasihat kepada raja yang memerintah	1
	F27	Seramai 22 orang ulama telah ditugaskan di Balai Gadang	1
	F28	Untuk memberi bantuan kepada pentadbiran Acheh	
	F29	Di Jawa, kebijaksanaan Wali Songo (Wali Sembilan) berdakwah telah Berjaya mengislamkan ramai masyarakat tempatan.	1
	F30	Demak telah dijadikan pusat pergerakan dakwah Islamiah	1
	F31	Sebuah masjid iaitu Masjid Agung Demak telah dijadikan markas dakwah Islamiah.	[4 markah]
		(Mana-mana 4 x 1m)	
b		Terangkan gaya hidup masyarakat Melayu tradisional setelah menerima pengaruh Islam.	
	F1	Perubahan prinsip kepercayaan dan akidah	1
	H1a	Amalan protokol (hijabah) dijalankan	1
	H1b	Mengantikan pembacaan ciri dengan lafadz ikrar semasa upacara pertabalan sultan	1
	H1c	Upacara perlantikan sultan dijalankan sebelum istiadat pemakaman	1
	F2	Hubungan antara individu dan pertalian keluarga	1
	H2a	Menghormati ibu bapa/orang yang lebih tua	1
	H2b	Panggilan tertentu untuk orang yang lebih tua	1
	C2b	Panggilan pak long/ mak long	1
	H3c	Tidak boleh dipanggil nama yang sebenar	1
	H4d	Bercakap dengan suara yang rendah apabila bercakap dengan orang yang lebih tua	1
	H5e	Menghormati tetamu	1
	H6f	Tetamu dihidangkan dengan makanan/ minuman	1
	F3	Adab datang ke rumah orang	1
	H3a	Hendaklah memberi salam	1
	H3b	Tuan rumah hendaklah menjawab salam	

	H3c H3d H3e	Bersalam- salam apabila masuk kedalam rumah Kanak – kanak hendaklah mencium tangan orang yang lebih tua Baca bismillah sewaktu hendak makan/ minum (Mana-mana 6 x 1m)	1 1 1 1 [6 markah]
c		Bagaimakah Baitulmal dapat membantu meningkatkan perkembangan ekonomi negara? Aras 1 Jawapan mudah / pengetahuan / pemahaman yang terhad Menyatakan cadangan dengan hujah yang mudah. Contoh: -Membasmi kemiskinan -Pengagihan zakat kepada golongan yang berhak	1 – 2 1 1
		Aras 2 Jawapan agak mendalam / pengetahuan / pemahaman yang jelas dan membuat inferens Menjelaskan pendapat dengan hujah dan contoh yang jelas. Contoh: -Membasmi kemiskinan -Pengagihan zakat kepada golongan yang berhak - Menyediakan keperluan-keperluan asas -Masalah golongan kurang berkemampuan dapat diselesaikan	3 – 4 1 1 1 1
		Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh yang sesuai Membuat inferens Jawapan sangat mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Contoh: -Membasmi kemiskinan -Pengagihan zakat kepada golongan yang berhak - Menyediakan keperluan-keperluan asas -Masalah golongan kurang berkemampuan dapat diselesaikan - Meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam - Menjaga harta yang diwakafkan	5 – 6 1 1 1 1 1 1

--	--	--

<p>Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Membasmi kemiskinan 1 -Pengagihan zakat kepada golongan yang berhak 1 - Menyediakan keperluan-keperluan asas 1 -Masalah golongan kurang berkemampuan dapat diselesaikan 1 - Meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam 1 - Menjaga harta yang diwakafkan 1 - mengurangkan jurang social 1 - menyediakan kemudahan asas seperti jalan raya, pelaburan, aktiviti sosial dsb 1 - menjaga kebajikan masyarakat Islam 1 - mengeluarkan bbiaswa/ bantuan kewangan untuk golongan yang memerlukannya 1 <p>(Mana-mana 8 x 1m)</p>	<p>7 – 8</p>
	[8 markah]